

## **BAB TUJUH**

### **DAPATAN KAJIAN BERKAITAN VARIASI KATA KERJA BAHASA JEPUN (BJ) DAN BAHASA MELAYU (BM)**

#### **7.0 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang dijalankan untuk memenuhi tiga (3) objektif pertama kajian ini. Objektif pertama kajian ini mengenalpasti pola variasi kata kerja dalam kapsyen bahasa Jepun berbanding variasi pola kata kerja dalam sari kata bahasa Melayu. Objektif kedua kajian ini pula untuk menganalisis sejauh manakah bentuk kata kerja yang paling banyak digunakan dalam kapsyen bahasa Jepun yang mempengaruhi bentuk kata kerja bahasa Melayu yang paling banyak digunakan dalam sari kata. Sementara objektif ketiga kajian untuk menyiasat sejauh manakah perkaitan antara konjugasi kata kerja bahasa Jepun dan padanan bahasa Melayu dalam penterjemahan sari kata.

Huraian dan rumusan adalah berdasarkan pemerhatian terhadap hasil analisis korpus yang menggunakan perisian *Concapp Windows Application* (Copyright © Chris Greaves 1993-2003), dan seterusnya menghuraikan hasil pemerhatian terhadap perbandingan bentuk antara keduanya (kata kerja BJ dan kata kerja BM) yang dibuat secara deskriptif berserta dengan contoh-contoh transkripsi bahasa sumber dan sari kata bahasa sasaran.

## 7.1 PENGUKURAN VARIASI KATA KERJA BJ DAN BM

Seksyen ini akan menjawab soalan kajian pertama iaitu:

### 1. Apakah pola variasi kata kerja dalam kapsyen bahasa Jepun berbanding pola variasi kata kerja dalam sari kata bahasa Melayu?

Analisis data melalui perisian *Concapp Windows Application* mendapati bahawa jumlah keseluruhan variasi kata kerja yang digunakan dalam kapsyen filem *Majo no Takkyubin* 魔女の宅急便 adalah sebanyak 556 (36.1%) berbanding hanya 184 (21.5%) kata kerja BM yang digunakan dalam sari kata (lihat Jadual 7.1). Sementara dalam filem *Umi ga Kikoeru* 海が聞こえる pula, bilangan keseluruhan variasi kata kerja BJ adalah sebanyak 547 (31.8%) berbanding dengan bilangan variasi kata kerja BM hanya 205 (23.9%) (lihat Jadual 7.2). Peratusan adalah dikira berdasarkan jumlah keseluruhan variasi kata kerja yang terkandung dalam teks.

**Jadual 7.1: Variasi kata kerja dalam filem *Majo no Takkyubin* 魔女の宅急便**

Kata Kerja	Jumlah
Kapsyen bahasa Jepun	556
Sari kata bahasa Melayu	184

**Jadual 7.2: Variasi kata kerja dalam filem *Umi ga Kikoeru* 海が聞こえる**

Kata Kerja	Jumlah
Kapsyen bahasa Jepun	547
Sari kata bahasa Melayu	205

Ini menunjukkan bahawa bilangan variasi kata kerja sari kata BM dalam kedua-dua filem animasi adalah lebih sedikit daripada variasi kata kerja teks sumber. Dengan kata lain, penggunaan kata kerja dalam teks sumber (kapsyen BJ) adalah lebih banyak variasinya berbanding dengan penggunaan kata kerja dalam teks sasaran (sari kata BM). Keadaan seperti ini pernah digambarkan oleh Nida (1964, hlm. 195) seperti berikut,

*Apabila menterjemah bahasa yang banyak infleksi seperti bahasa Greek ke bahasa isolatif, seperti bahasa Cina atau bahasa Lahu, ia akan melibatkan penambahan jumlah perkataan. Dalam bahasa Greek misalnya, kata kerja bukan sahaja menerangkan perlakuan, malahan juga tentang sipelaku, masa dan aspek yang berkaitan. Sementara dalam bahasa isolatif, butiran seperti ini perlu diterangkan satu per satu dengan penambahan partikel, kata kerja bantu dan adverba. Nida (1964, hlm. 195)*

Walaupun kedua-dua BJ dan BM bukan terdiri daripada bahasa isolatif, tetapi jika dibandingkan antara kedua-dua bahasa ini, penggunaan kata kerja BM adalah lebih banyak dalam bentuk isolatif. Tambahan lagi, dalam kajian ini bahasa yang digunakan adalah bahasa pertuturan iaitu penggunaan kata kerja kebanyakannya dalam bentuk kata dasar. Selain itu, jumlah variasi kata kerja BM berkurangan berbanding dengan variasi kata kerja BJ kerana ada antara variasi-variasi ini diterjemahkan dengan padanan kata kerja yang sama tetapi telah dikombinasikan dengan perkataan lain seperti kata kerja bantu, adverba, kata nafi dan sebagainya bersesuaian dengan fungsi sesuatu kata kerja itu di dalam ayat.

Dalam kata lain, kata kerja BJ *iku* (行く) sahaja yang diberi padanan kata kerja BM *pergi*, dan bukan hanya kata kerja BJ *kuru* (来る) sahaja yang mempunyai padanan kata kerja BM *datang*, tetapi juga untuk kata kerja BJ yang berlainan bentuk konjugasi.

Padanannya adalah kata kerja yang sama dengan penambahan kata kerja bantu atau kata nafi seperti contoh- contoh berikut :

a) Kata kerja dasar BJ *iki* (行) yang bermaksud ‘pergi’

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-139	<b>Ikimasho.</b> 行きましょう。	<b>Marilah pergi.</b>
F1-396	Mou iin desu. もういいんです。 Konna nari ja <b>ikenai</b> mono. こんななりじゃ行けないもの	Itulah baik. Saya <b>tak dapat pergi</b> dengan lama lagi.
F1-499	<b>Ikanai</b> , sayounara 行かない、さようなら	Saya <b>tak akan pergi</b> , selamat tinggal

b) Kata kerja dasar BJ *tobi* (飛) yang bermaksud ‘terbang’.

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F1-149	Anta sora <b>toberun</b> da ne. あんた空 <b>飛</b> べるんだね。	<b>Bolehkah kamu terbang</b> lagi?
F1-209	Massugu <b>tobemasu</b> kara まっすぐ <b>飛</b> べますから	Saya <b>boleh terbang</b> ke sana dalam garisan lurus.
F1-506	<b>Tobenai!?</b> <b>飛</b> べない! ? Mahou ga kiechatta wake? 魔法が消えちゃったわけ?	<b>Tak dapat terbang!?</b> Adakah maksud itu magik kamu telah pergi?

c) Kata kerja dasar BJ *ii* (言) yang bermaksud ‘sebut/berkata’.

	<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>	<b>Sari kata bahasa Melayu</b>
F2-96	Sonna koto <b>iwaren.</b> そんなこと <b>いわれん</b>	<b>Jangan katakan</b> barang itu lagi...
F2-147	Nani <b>iuchuu</b> ga ja 何言うちゅうがじゃ	Apakah yang kamu <b>katakan.</b>

F2-402	Sore <b>iitai</b> koto wa oshimai na no? それ言いたいことはおしまいなの？	Itulah semua yang kamu <b>nak katakan</b> lagi?
--------	--	---

---

d) Kata kerja dasar BJ *ki* (来) yang bermaksud ‘datang’

	Kapsyen bahasa Jepun	Sari kata bahasa Melayu
F2-336	Ohiru ni papa ga <b>kite</b> gochisou shite kureru koto ni natteru no. お昼にパパが来てごちそうしてくれることになってるの。	Bapa saya <b>akan datang</b> untuk temu saya pada petang ini. Kami perlu bersarapan tengahari bersama-sama.
F2-461	Mada <b>kichasen</b> yo まだ来ちゃせんよ。	Dia <b>belum datang</b> lagi.
F2-490	<b>Kitara</b> yokatta ni ne, Rikako 来たらよかったにね、里佳子	Saya <b>harap</b> dia <b>akan datang</b> lagi

---

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh di atas:

**Filem 1** (*Majo no Takkyubin* 魔女の宅急便)

<i>Iku</i> 行く	→	pergi	<i>tobu</i> 飛ぶ	→	terbang
<i>ikimasho</i> 行きましょう	→	marilah pergi	<i>toberun</i> 飛べるん	→	boleh terbang
<i>ikenai</i> 行けない	→	tak dapat pergi	<i>tobemasu</i> 飛べます	→	boleh terbang
<i>ikanai</i> 行かない	→	tak akan pergi	<i>tobenai</i> 飛べない	→	tak dapat terbang

**Filem 2 (Umi ga Kikoeru 海が聞こえる)**

<i>iu</i> 言う	→	katakan	<i>kuru</i> 来る	→	dating
<i>iwaren</i> 言われん	→	jangan katakan	<i>kite</i> 来て	→	akan dating
<i>iuchuu</i> 言うちゅう	→	katakan	<i>kichasen</i> 着ちやせん	→	belum dating
<i>iitai</i> 言いたい	→	nak katakan	<i>kitara</i> 来たら	→	harap akan dating

Sementara itu, satu perkara lagi yang dapat kita lihat daripada analisis korpus ini adalah penggunaan kata kerja dalam kapsyen BJ lebih banyak variasi dengan kebanyakannya digunakan hanya sekali. Justeru itu, kita mendapati bahawa hampir separuh (47% untuk Filem 1 dan 45.4% untuk Filem 2) daripada jumlah variasi kata kerja BM yang digunakan melebihi daripada sekali (Jadual 7.4). Keadaan berbeza pula berlaku pada variasi kata kerja BJ kerana hampir tiga per empat (73.4% untuk Filem 1 dan 73.5% untuk Filem 2) daripada jumlah keseluruhannya adalah kata kerja yang digunakan hanya sekali (Jadual 7.3).

**Jadual 7.3: Kekekapan Penggunaan Kata Kerja BJ**

Tajuk Filem	Bil. Keseluruhan Variasi	Lebih sekali	Sekali
<i>Majo noTakkyubin</i> 魔女の宅急便	556	148	408
<i>Umi ga Kikoeru</i> 海が聞こえる	547	145	402

**Jadual 7.4: Kekekapan Penggunaan Kata Kerja BM**

Tajuk Filem	Bil. Keseluruhan Variasi	Lebih sekali	Sekali
<i>Majo noTakkyubin</i> 魔女の宅急便	184	88	96
<i>Umi ga Kikoeru</i> 海が聞こえる	205	93	112

Ini bermakna dalam sari kata, walaupun penggunaan variasi kata kerja BM adalah kurang, tetapi kata kerja yang sama digunakan berulang kali. Ini bermaksud frekuensi penggunaannya adalah tinggi. Misalnya, kata kerja BJ *iku* 行く berdasarkan Jadual 7.5 digunakan sebanyak 18 kali, sementara padanannya sekira diterjemah secara literal iaitu *pergi*, mempunyai frekuensi sebanyak 62 kali untuk Filem 1 (*Majo no Takkyubin* 魔女の宅急便). Begitu juga keadaannya dalam Filem 2 (*Umi ga Kikoeru* 海が聞こえる), frekuensi penggunaan kata kerja BJ *kuru* 来る sebanyak 17 kali berbanding dengan frekuensi penggunaan padanannya dalam sari kata iaitu *datang* sebanyak 23 kali (lihat Jadual 7.6).

Jadual 7.5 dan Jadual 7.6 menunjukkan kedudukan 20 kata kerja yang mempunyai frekuensi tertinggi dalam penggunaannya pada kedua-dua teks sumber dan sari kata BM.

**Jadual 7.5: 20 Kata Kerja Berfrekuensi Penggunaan Tertinggi**  
*Majo no Takkyubin 魔女の宅急便*

Kapsyen bahasa Jepun				Sari kata bahasa Melayu			
	Kata Kerja	Frekuensi	%		Kata Kerja	Frekuensi	%
1	suru	21	0.3825 %	1	dapat	63	1.1673 %
2	iku	18	0.3279 %	2	pergi	62	1.1488 %
3	kite	13	0.2368 %	3	lakukan	48	0.8894 %
4	naru	11	0.2004 %	4	lihat	27	0.5003 %
5	itta	10	0.1821 %	5	katakan	24	0.4447 %
6	shite	10	0.1821 %	6	Maafkan	24	0.4447 %
7	aru	9	0.1639 %	7	datang	23	0.4262 %
8	iru	9	0.1639 %	8	Terima	23	0.4262 %
9	kita	9	0.1639 %	9	terbang	20	0.3706 %
10	nai	9	0.1639 %	10	terdapat	19	0.3520 %
11	ganbare	8	0.1457 %	11	tinggalkan	18	0.3335 %
12	kureru	8	0.1457 %	12	ingat	17	0.3150 %
13	iu	7	0.1275 %	13	Tunggu	17	0.3150 %
14	kuru	7	0.1275 %	14	gunakan	14	0.2594 %
15	shinai	7	0.1275 %	15	jadikan	14	0.2594 %
16	imasu	6	0.1093 %	16	Carikan	13	0.2409 %
17	natchatta	6	0.1093 %	17	berada	12	0.2223 %
18	shita	6	0.1093 %	18	tahu	12	0.2223 %
19	tobu	6	0.1093 %	19	tolong	12	0.2223 %
20	atte	5	0.0911 %	20	balik	10	0.1853 %



**Jadual 7.6: 20 Kata Kerja Berfrekuensi Penggunaan Tertinggi**  
*Umi ga Kikoeru* 海が聞こえる

<b>Kapsyen bahasa Jepun</b>				<b>Sari kata bahasa Melayu</b>			
	<b>Kata Kerja</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>%</b>		<b>Kata Kerja</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>%</b>
1	shite	33	0.5143 %	1	Pergi	82	1.2821 %
2	suru	20	0.3117 %	2	katakan	52	0.8130 %
3	aru	18	0.2805 %	3	beritahu	35	0.5472 %
4	iu	18	0.2805 %	4	dapat	35	0.5472 %
5	shita	18	0.2805 %	5	tahu	30	0.4690 %
6	kuru	17	0.2649 %	6	ingat	27	0.4221 %
7	kite	13	0.2026 %	7	dapati	25	0.3909 %
8	itte	12	0.1870 %	8	lakukan	25	0.3909 %
9	iku	12	0.1870 %	9	balik	23	0.3596 %
10	itta	11	0.1714 %	10	datang	21	0.3283 %
11	nai	11	0.1714 %	11	terdapat	21	0.3283 %
12	ita	10	0.1558 %	12	maafkan	17	0.2658 %
13	kita	10	0.1558 %	13	temu	17	0.2658 %
14	natte	9	0.1403 %	14	rasa	15	0.2345 %
15	natta	9	0.1403 %	15	gunakan	14	0.2189 %
16	kiita	8	0.1247 %	16	tinggal	14	0.2189 %
17	atta	7	0.1091 %	17	Tunggu	11	0.1720 %
18	kurenai	7	0.1091 %	18	tinggalkan	11	0.1720 %
19	iru	6	0.0935 %	19	tanya	11	0.1720 %
20	kureru	6	0.0935 %	20	lihat	9	0.1407 %

Analisis korpus ini juga mendapati bahawa kata kerja BJ yang mempunyai kekerapan pengulangan tertinggi ialah kata kerja *suru* する untuk Filem 1 dan kata kerja *shite* して untuk Filem 2. Kata kerja *suru* する dan *shite* して merupakan kata kerja yang sama tetapi dalam bentuk konjugasi yang berbeza, *suru/shite* する/して bermaksud ‘membuat/melakukan’ merupakan kata kerja yang kerap digunakan dalam BJ sama ada melalui percakapan mahupun penulisan. Penggunaannya adalah dalam pelbagai bentuk konjugasi berdasarkan fungsinya di dalam teks. Selain penggunaan secara bersendirian, kombinasi kata nama dan *suru* (noun + suru) juga boleh membentuk satu kata kerja yang lain seperti contoh berikut:

<i>Benkyou</i> 勉強 → (KN)	pembelajaran	<i>benkyou suru</i> 勉強する → (KN+suru)	belajar (KK)
<i>shigoto</i> 仕事 → (KN)	pekerjaan	<i>shigoto suru</i> 仕事する → (KN+suru)	bekerja (KK)

Biasanya, situasi ini berlaku pada kata nama yang dipinjam daripada bahasa Cina dan kerap kali untuk penggunaan bahasa yang lebih formal (McClure, 2000).

Sementara dalam teks BM pula, kata kerja yang mempunyai frekuensi tertinggi adalah kata kerja *dapat* untuk Filem 1 dan *pergi* untuk Filem 2 dan ia bukanlah padanan bagi kata kerja BJ yang berfrekuensi tertinggi untuk kedua-dua filem iaitu *suru* する dan *shite* して. Ini bermakna bahawa kata kerja yang mempunyai frekuensi penggunaan tertinggi dalam bahasa sumber tidak semestinya padanan tersebut menjadi kata kerja tertinggi penggunaannya.

## 7.2 BENTUK KATA KERJA BJ DAN BM

Seksyen ini akan menjawab soalan kajian berikut:

- 2. Sejauh manakah bentuk kata kerja yang paling banyak digunakan dalam kapsyen bahasa Jepun mempengaruhi bentuk kata kerja bahasa Melayu yang paling banyak digunakan dalam sari kata ?**

Seperkara lagi yang dapat kita lihat daripada analisis korpus ini ialah kebanyakan kata kerja yang digunakan dalam kapsyen BJ merupakan kata kerja berkonjugasi (lihat Jadual 7.7a dan Jadual 7.8a). Misalnya, untuk kata kerja BJ *iku* dalam Filem 1, digunakan dalam pelbagai bentuk konjugasi seperti *itte* 行って, *itta* 行った, *ikanai* 行かない, *ikun* 行くん, *itteru* 行ってる, *ikitai* 行きたい, *ittan* 行ったん, *itteta* 行ってた, *ikaseru* 行かせる, *ittara* 行ったら, *ikitain* 行きたいん, *ikankatta* 行かんかった, *ikenai* 行けない, *ikeru* 行ける dan *iketou* 行けとう. Antara bentuk konjugasi yang paling banyak digunakan dalam teks sumber daripada kedua-dua filem terdiri adalah bentuk kamus (136 kata kerja untuk Filem 1 dan 140 kata kerja untuk Filem 2), bentuk *te* (V て) (115 kata kerja untuk Filem 1 dan 108 kata kerja untuk Filem 2) dan bentuk *ta* (V た) (110 kata kerja untuk Filem 1 dan 152 kata kerja untuk Filem 2). Bentuk *te* (V て) dan bentuk *ta* (V た) merupakan bentuk bersambungan yang digunakan untuk menghubungkan ayat bagi menerangkan pelbagai maksud, dan bentuk kamus yang juga dikenali sebagai bentuk *shuushikee* (終止形) yang bermaksud bentuk penamat. Bentuk jenis ini digunakan sebagai penamat bagi ayat normal dalam keadaan yang tidak formal (Thaiyyibah dan Kami, 1997).

Penggunaan kata kerja bentuk *masu* (V ます) yang kurang 91 kata kerja (61 kata kerja untuk Filem 1 dan 30 kata kerja untuk Filem 2) menunjukkan bahawa sebahagian

besar daripada pertuturan dalam kedua-dua filem adalah pertuturan secara tidak formal (McClure, 2000). Bentuk *masu* (V ます) ialah bentuk sopan yang digunakan dalam keadaan formal. Dalam pertuturan tidak formal, gaya pertuturan adalah kasual (bersahaja) terutamanya dikalangan mereka yang mempunyai status sosial yang sama seperti sahabat handai. Malahan sekiranya pertuturan adalah dikalangan mereka yang berlainan status sosial sekalipun, tetapi pertuturan adalah dalam situasi yang lebih peribadi dan santai, misalnya perbualan biasa ketika sedang minum-minum, gaya pertuturan yang dipilih adalah tidak formal (Maynard, 1998). Pemilihan gaya pertuturan yang bersesuaian merupakan aspek yang tidak kurang pentingnya dalam komunikasi kebanyakan bahasa yang ada. Namun begitu, perbezaan gaya-gaya pertuturan dalam BJ lebih ketara berbanding bahasa-bahasa lain di dunia.

Berbeza keadaannya dengan kata kerja BM yang digunakan dalam sari kata adalah dalam bentuk kata dasar (lihat Jadual 7.7b dan Jadual 7.8b). Sebanyak 76 kata kerja dalam Filem 1 dan 81 kata kerja dalam Filem 2 ialah kata kerja dasar. Sementara bentuk kata terbitan yang paling banyak digunakan ialah kata terbitan akhiran {-kan} iaitu sebanyak 130 kata kerja (67 kata kerja untuk Filem 1 dan 63 kata kerja untuk Filem 2). Penggunaan kata kerja BM dalam bentuk kata dasar dengan bilangan yang tinggi telah menunjukkan bahawa sari kata yang dihasilkan dalam kajian ini adalah dalam gaya bahasa pertuturan. Penggunaan ayatnya lebih ringkas dan pendek, tidak formal dan mudah difahami.

Sementara penggunaan kata terbitan akhiran {-kan} dalam kedua-dua filem membawa makna *menyebabkan* dan *melakukan sesuatu untuk faedah orang lain* (Asmah, 2008). Kata akhiran {-kan} banyak digunakan sebagai padanan kata kerja BJ bentuk *V-tai /*

*gatteru* (ingin melakukan), *V -te + kudasai* (sila/tolong lakukan) dan *V-ba* (kalau sekiranya dilakukan). Analisa lebih lanjut akan diterangkan di bahagian 7.3.

Oleh kerana sari kata merupakan penterjemahan daripada bentuk pertuturan/dialog/lisan kepada bentuk teks bertulis yang bersinkronis dengan kekangan ruangan dan masa yang terhad. Maka, sebahagian besar sari kata dipengaruhi dengan gaya bahasa pertuturan.

Secara amnya, yang dapat disimpulkan ialah penggunaan kata kerja BJ berkonjugasi bentuk kamus, bentuk *te* (V て) dan bentuk *ta* (V た) dengan kuantiti yang banyak dalam kapsyen BJ telah menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada pertuturan dalam kedua-dua filem adalah pertuturan secara tidak formal. Penggunaan gaya bahasa pertuturan yang tidak formal dalam bahasa sumber (kapsyen BJ) telah diterjemahkan dalam gaya bahasa pertuturan yang tidak formal juga dalam bahasa sasaran (sari kata BM) dengan penggunaan kata kerja BM yang sebahagian besarnya adalah dalam bentuk kata dasar.


Berikut adalah konjugasi kata kerja BJ yang ditunjukkan dalam Jadual 7.7a dan Rajah 7.1 dalam bentuk carta pai dan padanan kata terbitan kata kerja BM yang ditunjukkan dalam Jadual 7.7b dan Rajah 7.2 dalam bentuk carta pai yang digunakan dalam filem *Majo no Takkyubin* 魔女の宅急便.

**Jadual 7.7a: Konjugasi Kata Kerja BJ dalam  
Filem *Majo no Takkyubin* 魔女の宅急便**


Konjugasi	Bilangan
bentuk <i>nai</i> ( <i>mizenkei</i> 未然形)	73
bentuk <i>masu</i> ( <i>renyoukei</i> 連用形)	61
bentuk kamus ( <i>shuushikei</i> 終止形)	136
bentuk <i>ba</i> ( <i>kateikei</i> 仮定形)	9
bentuk <i>ou/you</i> ( <i>ikoukei</i> 意向形)	24
bentuk <i>te</i> ( <i>onbinkei</i> 音便形)	115
bentuk <i>ta</i> ( <i>onbinkei</i> 音便形)	110
bentuk perintah ( <i>meireikei</i> 命令形)	28
<b>Jumlah</b>	<b>556</b>

**Jadual 7.7b: Kata Terbitan Kata Kerja BM dalam  
Filem *Majo no Takkyubin* 魔女の宅急便**

Kata Terbitan	Bilangan
kata dasar	76
~kan	67
ber~	5
ter~	4
~i	3
meN~	12
meN~kan	9
di~kan	4
ter~nya	1
bahasa Inggeris	3
<b>Jumlah</b>	<b>184</b>



**Carta 7.1 Konjugasi Kata Kerja BJ dalam Filem *Majo no Takkyubin* 魔女の宅急便**



**Carta 7.2 Kata Terbitan Kata Kerja BM dalam Filem *Majo no Takkyubin* 魔女の宅急便**

Berikut adalah konjugasi kata kerja BJ yang ditunjukkan dalam Jadual 7.8a dan Rajah 7.3 dalam bentuk carta pai dan padanannya kata terbitan kata kerja BM yang ditunjukkan dalam Jadual 7.8b dan Rajah 7.4 dalam bentuk carta pai yang digunakan dalam filem *Umi ga Kikoeru* 海が聞こえる.


**Jadual 7.8a: Konjugasi Kata Kerja BJ**  
dalam Filem *Umi ga Kikoeru* 海が聞こえる

Konjugasi	Bilangan
bentuk <i>nai</i> ( <i>mizenkei</i> 未然形)	69
bentuk <i>masu</i> ( <i>renyoukei</i> 連用形)	30
bentuk kamus ( <i>shuushikei</i> 終止形)	140
bentuk <i>ba</i> ( <i>kateikei</i> 仮定形)	5
bentuk <i>ou/you</i> ( <i>ikoukei</i> 意向形)	26
bentuk <i>te</i> ( <i>onbinkei</i> 音便形)	108
bentuk <i>ta</i> ( <i>onbinkei</i> 音便形)	152
bentuk perintah ( <i>meirekei</i> 命令形)	17
<b>Jumlah</b>	<b>547</b>




**Jadual 7.8b: Kata Terbitan Kata Kerja BM dalam  
Filem *Umi ga Kikoeru* 海が聞こえる**

<b>Kata Terbitan</b>	<b>Bilangan</b>
kata dasar	81
~kan	63
ber~	11
~i	8
meN~	9
ter~	4
meN~kan	9
di~kan	4
~nya	2
me~i	1
ter~kan	1
bahasa Inggeris	12
<b>Jumlah</b>	<b>205</b>



**Carta 7.3: Konjugasi Kata Kerja BJ dalam Filem *Umi ga Kikoeru* 海が聞こえる**



**Carta 7.4: Kata Terbitan Kata Kerja BM dalam Filem *Umi ga Kikoeru* 海が聞こえる**

### 7.3 PERBANDINGAN KATA KERJA

Seksyen ini akan menjawab soalan kajian berikut:

**Sejauh manakah perkaitan antara konjugasi kata kerja bahasa Jepun dan padanan bahasa Melayu dalam penterjemahan sari kata?**

Perbandingan telah dibuat antara bentuk kata kerja bahasa sumber (BJ) dan padanan bahasa sasaran (BM) untuk melihat perkaitan antara keduanya. Perkaitan dilihat berpandukan penggolongan kata kerja BJ yang telah disaran oleh Thaiyyibah dan Kami (1997), iaitu seperti berikut:

- a) bentuk *masu* (連用形 *renyoukei* )
- b) bentuk kamus (終止形 *shuushikei*)
- c) bentuk *te* (音便形 *onbinkei*)
- d) bentuk *ta* (音便形 *onbinkei*)
- e) bentuk *nai* (未然形 *mizenkei*)
- f) bentuk *ba* (假定形 *kateikei*)
- g) bentuk perintah (命令形 *meireikei*)
- h) bentuk *ou/you* (意向形 *ikoukei*)

### 7.3.1 Bentuk *-masu* (*renyoukee*)

Bentuk ini disebut 連用形 *renyoukei* dalam BJ. Bentuk ini turut disebut sebagai ‘bentuk lanjutan’, ‘bentuk hubungan’ atau ‘bentuk pertukaran kepada kata nama’.

Bentuk *-masu* ini merupakan bentuk sopan yang digunakan dalam keadaan formal.

Berikut adalah contoh-contoh bentuk *-masu* yang telah dipetik daripada kedua-dua filem terpilih.

	Kapsyen Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
F1-151	<i>Ohisashiburi ni uketorimashita,</i> お久しぶりに受け取りました (Sudah lama saya tak menerimanya)	Saya <b>nak terima</b> package
F1-264	<i>Ano....naorimasu ka?</i> あの。。直りますか (Adakah ia boleh dibaiki?)	Bolehkah ia <b>dipasangkan?</b>
F1-621	<i>Kono mama dewa shiti-tawa- to no shototsu wa sakeraremasen.</i> このままではシテイタワーとの書立つは避けられません。 (Kalau begini, kita tak dapat mengelak daripada melanggar Menara City tu)	Ia pergi sekarang, <b>tak dapat tukar</b> kursus di sana
F2-44	<i>Totsuzen desu ga, konnen no chuutoubu sannen no shuugaku ryokou wa chuushi ni narimashita.</i> 突然ですが、今年の中南部三年の修学旅行は中止になりました。 (Walaupun tiba-tiba, lawatan sekolah pada tahun ini telah dibatalkan)	Saya tahu ia adalah tiba-tiba, tetapi kami <b>batalkan</b> lawatan sekolah kamu.
F2-400	<i>Jikou iinkai yori oshirase shimasu</i> 自校委員会よりお知らせします (Pengumuman daripada jawatankuasa sekolah)	Ini adalah <b>pengumuman</b> dari pertubuhan komitee.
F2-423	<i>Minasama, touki wa Kouchi Kuukou ni touchaku itashimashita.</i> 皆様、とうきは高地空港に到着いたします (Para penumpang sekalian kita telah mendarat di lapangan terbang Kouchi)	Setiap orang, kapal terbang <b>baru</b>  <b>sampai</b> di Lapangan Terbang Kouchi.

Berdasarkan contoh-contoh di atas, pengkaji mendapati bahawa tidak semua kata kerja bentuk *-masu* ini diberi imbuhan, malahan ada antaranya diberi penambahan kata kerja bantu, kata nafi dan sebagainya berdasarkan fungsi dalam ayat. Hal ini kerana sari kata sering kali dikaitkan dengan wacana pertuturan, iaitu penggunaan kata kerja jarang diberi imbuhan, tanpa menghiraukan hakikat bahawa kata kerja berkenaan boleh diberi penambahan (Asmah, 2007, hlmn. 89-90). Namun begitu, pengkaji berpendapat dalam keadaan tertentu, seperti ketika memberi pengumuman, menyampaikan ucapan, iaitu pada keadaan yang formal, kata kerja bentuk *-masu* ini perlu dipadankan dengan kata kerja berimbuhan (kata kerja terbitan). Lagi pula, kata kerja bentuk *-masu* dalam BJ sememangnya digunakan dalam keadaan formal. Penyataan ini turut disokong oleh Wan Amizah (1998, hlm.93), sari kata untuk bahasa formal lebih banyak ditandai dengan kata imbuhan, khususnya yang membabitkan kata nama dan kata kerja.

Sementara itu, berikut adalah contoh-contoh kata kerja bentuk *-masu* berdasarkan fungsi nahunya.

a) V(pre-*masu*) *-tai/gatteru* たいがってる

	<b>Kapsyen Bahasa Jepun</b>	<b>Sari Kata Bahasa Melayu</b>
F1-103	<p><i>Watashi konna machi ni sumitakatta no</i>            わたしこんな町に住みたかったの            (Saya teringin tinggal di bandar macam ini)</p>	Ini adalah bandar yang saya <b>nak tinggalkan</b>
F1-153	<p><i>Orei mo shitai shi sa</i>            お礼もしたいしさ            (dan saya juga ingin memberi penghargaan)</p>	Saya <b>nak ucap terima kasih</b>
F1-308	<p><i>Minna kimi no hanashi o kikitagatterun da</i>            みんな君の話を聞きたがってるんだ            (Mereka semua ingin mendengar cerita kamu)</p>	Setiap orang <b>nak dengar</b> cerita kamu

F2-54	<i>gakkou toshite kichinto setsumei shitai omouchoru.</i> 学校としてきちんと説明したい 思うちよる。 (Bagi pihak sekolah, perkara ini perlu dijelaskan)	Jadi kami nak mereka <b>terdapat terangan</b> yang bagusnya (ingin menerangkan)
F2-242	<i>Papa to issho ni kurashitai, Toukyou ni modoritai tte...</i> パパと一緒に暮らしたい、 東京に戻りたいって。 (Saya ingin tinggal dengan ayah dan pulang ke Tokyo)	Saya <b>nak tinggal</b> dengan dia dan <b>balik</b> ke Tokyo. (nak balik)

Kata kerja bentuk V (pre-masu)-tai / V-gatteru mempunyai fungsi menunjukkan ingin/hendak/mahu melakukan sesuatu perbuatan.

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh di atas:

<i>sumitakatta</i>	→ nak tinggal	<i>setsumei shitai</i>	→ ingin menerangkan
住みたかった		説明したい	
<i>orei mo shitai</i>	→ nak ucap	<i>kurashitai</i>	→ nak tinggal
お礼もしたい	→ terima kasih	暮らしたい	
<i>kikitagatteru</i>	→ nak dengar	<i>modoritai</i>	→ nak balik
聞きたがります		戻りたい	

Justeru itu, **V-tai/gatteru = nak + kata dasar**, tetapi untuk keadaan yang formal seperti pengumuman atau ucapan **V-tai/gatteru = ingin + meN~kan**

b) V (pre-masu) ni ikimasu/kimasu に行きます/来ます

Kapsyen Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
F1-238 <i>Onegai, sagashitara sugu tasuke ni iku kara.</i> お願ひ、探したらすぐ助けに行 くから、 (Tolong.. selepas saya dapat mencari ,saya akan segera membantu..)	Saya janji, saya <b>akan balik</b> selepas saya dapat cari_itu. (pergi selamatkan)

<p>F1-522 <i>toiu no wa uso. Kaidashi ni kita tsuide</i>          というのは嘘。買出しに来たついで、          (Saya tipu, saya datang berbelanja ni, sambil-sambil tu singgahlah..)</p>	<p>Sememangnya saya tipu. Saya hanya <b>datang untuk bekalkan.</b>          (datang berbelanja)</p>
<p>F2-126 <i>De mimai ni ittan ka</i>          で見舞いに行ったんか          (Jadi, datang menziarahla ye)</p>	<p>Jadi kamu <b>pergi jumpa</b> dia dengan sendiri?          (pergi melawat)</p>
<p>F2-239 <i>Haneda ni mukae ni kichun ga?</i>          羽田に迎えに来ちゅんが?          (Datang menjemput ke Haneda..)</p>	<p>Adakah dia <b>datang untuk cari kamu</b> di lapangan terbang Haneda.          (datang menjemput)</p>
<p>F2-309 <i>Sugu hoteru made ai ni kite kureru tte</i>          すぐホテルまで会いに来てくれるって          (dia cakap akan segera ke hotel untuk berjumpa)</p>	<p>Setelah sekian lama dia katakan dia <b>akan pergi</b> ke hotel.          (datang berjumpa)</p>

V(pre-masu) ni ikimasu/kimasu membawa fungsi pergi/datang dengan tujuan untuk melakukan sesuatu perbuatan. Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh di atas:

<p><i>tasuke ni iku</i> → pergi          助けに行く          kaidashi ni kita → datang          買出しにきた          mimai ni itta → pergi melawat          見舞いに行った</p>	<p><i>Mukaeni kichun</i> → ingin          迎えに来ちゅん          ai ni kite kureru → datang          会いに来てくれる</p>	<p>→ menerangkan          → berjumpa</p>
---	---	--

Justeru itu, **V(pre-masu) ni ikimasu/kimasu = pergi/datang + kata kerja dasar/terbitan** (mengikut fungsi dalam ayat)

c) V (pre-masu) + sou そう

	Dialog Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
F1-479	<i>Umi o miteru to genki ni naresou.</i> 海を見てると元気になれそう (Bila nampak laut, terus rasa sihat)	Saya <b>rasa lebih bagus</b> semasa saya lihat pada laut.
F1-643	<i>Sensei o yonde, umaremasou yo</i> 先生を呼んで、生まれまそう (Panggilkan doktor, saya rasa nak bersalin dah ni..)	Hubung doktor. Saya pergi ke dalam <b>labor!</b> (rasa nak bersalin)
F2-168	<i>Ikura kasesou?</i> いくら貸せそう (Berapa awak boleh pinjamkan saya)	Berapa banyak kamu <b>dapat pinjam</b> kepada saya? (rasa dapat pinjamkan)
F2-312	<i>Rikako ga nanto ka ki o mochinaosou to shite iru no ga kanjirarete</i> 里佳子がなんとか気を持ち直そうとしているのが感じられて (Saya dapat rasakan yang hati Rikako sudah mula terubat)	Rikako <b>cuba sorak</b> pada dia. (rasa dah semakin baik)

V (pre-masu) + sou digunakan apabila meneka sesuatu perbuatan/perlakuan itu akan berlaku atau ingin dilakukan.

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh di atas:

<i>genki ni naresou</i> 元気になれそう	→	rasa lebih bagus	<i>Kasesou</i> 貸せそう	→	rasa dapat pinjamkan
<i>umaremasou</i> 生まれまそう	→	rasa nak bersalin	<i>ki o mochinasou</i> 気を持ち直そう	→	rasa dah semakin baik

Justeru itu, **V (pre-masu) + sou = rasa/macam/seperti + kata kerja terbitan** (mengikut fungsi dalam ayat).



### 7.3.2 Bentuk kamus (*shuushikei*)

Bentuk ini disebut sebagai bentuk kamus kerana perkataan-perkataan kata kerja dalam kamus disenaraikan mengikut bentuk ini. Dalam BJ, bentuk ini disebut 終止形 *shuushikei* yang bermaksud ‘bentuk penamat’ kerana bentuk ini digunakan sebagai penamat bagi ayat bentuk biasa. Kata kerja bentuk ini juga disebut sebagai 連体形 *rentaikei* kerana kata kerja bentuk ini juga digunakan sebagai penerang kata nama. Kata kerja bentuk kamus sering kali diikuti dengan kata kerja bantu seperti *-soo da* – そうだ, *-yoo da* – ようだ, *-rashii* らしい, dan *to* と, *na* な, *ka* か (*dou ka* どうか), *kara* から, *keredo* けれど, *no* の, *no ni* のに, *no de* ので dan sebagainya.

Berikut adalah contoh-contoh kata kerja bentuk kamus yang diikuti beberapa kata kerja bantu.

	Kapsyen Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
F1-44	<i>Ii machi ga mitsukaru to ii ne</i> いい町が見つかるといいね (Alangkah bagusnya kalau dapat jumpa bandar yang bagus)	Saya harap kamu <b>dapat cari</b> bandar yang bagus juga. (kalau jumpa)
F2-497	<i>Hisashiburi ni miru to kirei ya ne</i> oshiro 久しぶりに見るときれいやね、 お城 (Bila dah lama tak tengok istana ni, nampak cantik pulak)	kalau kamu <b>belum lihat</b> lagi, ia adalah cantik, adakah ibukota itu? (kalau tengok)
F1-441	<i>Sotchi e mawatte, sugu ni iku kara</i> そっちへ回って、すぐに行くから ら (Pusing kat situ, saya datang segera)	Tunggu di sana! Saya <b>akan berada</b> di sana. (sebab (saya) akan ke sana)
F2-234	<i>Chanto kaesu kara shimpai shinai</i> de yo ne ちゃんと返すから心配しないで よね (Jangan risau, saya akan pulang nanti)	Jadi jangan bimbang, ok? (sebab (saya) akan pulang)

<p>F1-552 <i>Chotto kao agete, tooku o miruyou ni</i>  ちよつと顔上げて、遠くを見るように  (Angkat muka kamu sedikit, semoga kamu dapat melihat jauh-jauh)</p>	<p>Kepala kamu, kalau kamu <b>carikan</b> sesuatu yang jauh itu.  (macam/seperti lihat)</p>
<p>F2-145 <i>Toraberu-zu chekku yattara sugu renraku shitara nan to ka naru rashii ze yo.</i>  トラベルズチェックやったらすぐ連絡したらなんとかなるらしいぜね。  (Kalau travel cheque, saya dengar bila apa-apa terjadi boleh terus hubungi pihak bank, tentu mereka akan buat sesuatu)</p>	<p>Kalau ia adalah pelawat semak dan kamu hubungkan mereka. Kamu <b>boleh ambil balik.</b>  (Rasanya (mereka) akan lakukan sesuatu)</p>
<p>F1-561 <i>Okage de kurou mo suru kedo sa....</i>  おかげで苦勞もするけどさ。  (Oleh sebab itu, saya telah berusaha keras..)</p>	<p>Kerana dari itu, kamu <b>perlu pergi dengan kapal yang sukar itu.</b>  (walaupun susah)</p>
<p>F1-19 <i>Watashi wa okuri mono no futa o akeru toki mitai ni wakuwaku shiteru wa</i>  私は送りもののふたを開けるときみたいにわくわくしてるわ  (Saya akan rasa teruja bila membuka kotak yang dihantar pada saya)</p>	<p>Saya rasa sangat seronok, seperti semasa saya <b>hadiri</b>  (masa (saya ) buka)</p>
<p>F2-70 <i>tabako suu toki nanzo, tsui shagamikondari</i>  タバコ吸うときなんぞ、ついしゃがみこんだり  Bila saya hisap rokok, pelik..terus je nak duduk..</p>	<p>Kadang-kala dia squats dan <b>hisap rokok.</b> Dengan habit dari pengalaman itu.  (masa (dia) hisap rokok)</p>

Bentuk kamus digunakan untuk menerangkan kala kini. Dari segi kala, kata kerja BJ boleh digolongkan kepada dua jenis, iaitu kata kerja keadaan dan kata kerja perbuatan.

Kata kerja keadaan adalah *いる iru* membawa maksud ‘berada’ (bagi menerangkan benda yang bernyawa), *ある aru* yang bermaksud ‘berada’ (bagi menerangkan benda yang tidak bernyawa), *要る iru* yang bermaksud ‘perlu’ dan sebagainya. Kata kerja keadaan bentuk kamus menunjukkan 1) kala kini, 2) kala depan dan 3) perkara yang berlaku berulang-ulang.

Kata kerja perbuatan bentuk kamus pula, pada dasarnya tidak mempunyai bentuk kala kini tetapi ia mempunyai bentuk 1) kala depan dan 2) perkara yang berlaku berulang-ulang.

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk kamus:

<i>mitsukaru to</i> 見つかる	→ kalau jumpa	<i>nan to ka naru rashii</i> なんとかなるらしい	→ rasanya (mereka) akan lakukan sesuatu
<i>miru to</i> 見ると	→ kalau tengok	<i>kurou mo suru kedo</i> 苦労もするけど	→ walaupun susah
<i>iku kara</i> 行くから	→ sebab saya akan ke sana	<i>akeru toki</i> 開けるとき	→ masa buka
<i>kaesu kara</i> 返すから	→ sebab saya akan pulang	<i>tabako o suu toki</i> タバコを吸うとき	→ masa hisap rokok
<i>miru you</i> 見るよう	→ macam lihat		

Justeru itu, **V bentuk kamus + kata kerja bantu = kata kerja bantu + kata kerja dasar**

### 7.3.3 Bentuk *te* (*onbinkei*)

Bentuk ini didapati dengan menambahkan partikel *-te* kepada kata kerja bentuk 連用形 *renyoukei*. Apabila perkataan kata kerja kumpulan 1 ditukarkan kepada bentuk *-te* kebanyakan daripada bunyinya akan berubah. Ini disebut sebagai 音便形 *onbinkei* dalam BJ.

Kata kerja bentuk *-te* banyak kegunaannya. Berikut akan diberikan beberapa contoh kegunaannya yang dipetik daripada kedua-dua filem.

a) Bentuk *-te* digunakan untuk menghubungkan ayat seperti berikut:

	Dialog Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
F1-61	<i>Sekkaku kurou shite tsukutta no ni</i> せっかく苦勞して作ったのに。 (Alang-alang dah berusaha keras membuatnya)	Tetapi saya telah pilih sendiri! (Susah payah)
F1-550	<i>Chotto soko ni suwatte, moderu ni natte kureru.</i> ちょっとそこに座って、モデルになってくれる。 (Duduk di situ sekejap, jadi model untuk saya ye.)	<b>Duduk</b> sana dan jadikan model saya
F2-28	<i>Sakki tannin no Kozuki ni tanomarete, ore wa kounai o annai shite kita.</i> さっき担任のこずきに頼まれて、俺は校内を案内してきた。 (Tadi cikgu kelas yang suruh saya menunjukkan kawasan sekolah)	Cikgu saya Kasugi yang <b>minta</b> sendiri untuk tunjukkan sekeliling kepada dia. (minta tolong)
F2-43	<i>Chuutoubu koutoubu no rokunenkan o tsuujite, Matsuno to boku wa ichido mo onaji kurasu ni naranakatta.</i> 中等部校等部の六年間を通じて、松野と僕は一度も同じクラスにならなかった。  (Selama 6 tahun bersekolah di menengah rendah dan menengah tinggi, tidak pernah sekalipun saya sekelas dengan Matsuno)	<b>Untuk enam tahun</b> dari junior high dan sekolah tinggi. Matsuno dan saya tak akan berada di kelas yang sama itu. (selama enam tahun)

Kata kerja bentuk *-te* yang berfungsi sebagai penyambung ayat untuk menerangkan pelbagai maksud, antaranya seperti berikut:

- i) menunjukkan perlakuan berturut-turut. Contoh F1-61.
- ii) menerangkan sebab terjadinya sesuatu perlakuan. Contoh F1-550 dan F2-28.
- iii) menerangkan jangkamasa berlaku sesuatu perlakuan. Contoh F2-43.

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk *-te*:

<i>kurou shite</i> 苦勞して	→ susah payah	<i>Tanomarete</i> 頼まれて	→ minta tolong
<i>Suwatte</i> 座って	→ duduk	( <i>rokunen o tsujite</i> ) 六年通じて	→ selama (enam tahun)

Justeru itu, **kata kerja bentuk *-te* = kata kerja dasar atau kata kerja bantu + kata kerja dasar atau kata kerja terbitan.**

b) Frasa boleh dibentuk menggunakan bentuk *-te* untuk menerangkan pelbagai maksud seperti berikut:

- 1) kata kerja bentuk *-te* + *kudasai* ください

	<b>Kapsyen Bahasa Jepun</b>	<b>Sari Kata Bahasa Melayu</b>
F1-258	<i>Ano... kaeshite kudasai ka?</i> あの。返してくださいか。 (Boleh kamu pulangkan)	Um..bolehkah kamu <b>pulang balik?</b> (tolong pulangkan)
F1-429	<i>Kanarazu honnin ni watashite ne</i> 必ず本人に渡してね。 (Mesti serahkan kepada orang yang sepatutnya)	Pastikan kamu <b>dapat</b> untuk dia. (tolong serahkan)
F2-41	<i>Mon no tokoro de matchotte</i> 門のところで待ちよって (Saya tunggu di pagar)	<b>Sila tunggu</b> saya di pagar itu.

F2-285 *Ko-ku hai tsukutte.*  
 コークハイ作って  
 (Sediakan untuk saya minuman  
 coke)

**Sediakan** ‘kokuhai’ untuk saya  
 (tolong buat)

Kata kerja bentuk *-te + kudasai* membawa makna ‘sila’ atau ‘tolong’.

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk *-te + kudasai*:

<i>kaeshite kudasai</i> 返してください	→ tolong pulangkan	<i>matchotte</i> 待ちよって	→ tolong tunggu
<i>watashite</i> 渡して	→ tolong serahkan	<i>tsukutte</i> 作って	→ tolong buat

Justeru itu, **kata kerja bentuk *-te + kudasai* = tolong/sila + kata kerja terbitan (~kan)**

2) kata kerja bentuk *-te + imasu* います

	<b>Kapsyen Bahasa Jepun</b>	<b>Sari Kata Bahasa Melayu</b>
F1-28	<i>Mukashi kara majo no fuku wa kou tte kimatteru no yo</i> 昔から魔女の服はこうって決まってるのよ。 (Sejak dahulu lagi, telah ditetapkan baju ahli sihir adalah sebegini)	Ia telah <b>jadikan</b> seperti itu untuk selama-lamanya. (sudah ditetapkan)
F1-125	<i>Tonderu tokoro o mitan da yo.</i> 飛んでるところを見たんだよ。 (Saya telah ternampak kamu terbang)	Saya ternampak kamu <b>terbangkan</b> . (sedang terbang)
F2-194	<i>Okozukai amatteru kara, kasouka tte itte kureta no yo</i> おこずかいあまってるから、貸そうかっていってくれたのよ。 (Matsuno ingin meminjamkan wang kepada saya, kerana wang belanjanya berlebieha)	Matsuno tanya saya kalau saya suka itu dari wang dia setelah dia <b>mempunyai yang lebih</b> lagi. (ada lebih)
F2-331	<i>Ryoko mo sou itteru.</i>	Ryoko <b>katakan</b> itu juga

良子もそう言ってる  
(Ryoko pun cakap macam tu)

Kata kerja bentuk *-te + imasu* (V て+います) menerangkan pelbagai maksud seperti berikut:

- i) menunjukkan sesuatu perkara yang sedang berlaku. Contoh F1-125.
- ii) menunjukkan perkara yang berlaku berulang-ulang. Contoh F2-331.
- iii) menunjukkan sesuatu perkara yang dilakukan dan hasilnya berlanjutan.

Contoh F1-28 dan F2-194

Berikut ialah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk *-te + imasu*:

<i>kimatteru</i> 決まってる	→ sudah ditetapkan	<i>amatteru</i> あまってる	→ ada lebih
<i>tonderu</i> 飛んでる	→ sedang terbang	<i>itteru</i> 言ってる	→ katakan

Justeru itu, kata kerja bentuk *-te + imasu* = kata kerja terbitan atau sedang/sudah + kata kerja terbitan

3) kata kerja bentuk *-te + mo ii*. (V て+もいい)

	Kapsyen Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
F1-42	<i>Umaku_ikanakattara kaette kite mo iin da yo</i> うまくいかなかったら帰って来てもいいんだよ。 Kalau tak berjalan dengan lancar, Abah tak kisah kalau kamu pulang.	Kamu boleh selalu balik, kalau kamu tak nak carikan bandar seperti kamu sukakan. (boleh balik)
F1-178	<i>Ee...ii nioi ne. Tetsudatte ii?</i> ええ。。いい臭いね。手伝っていい？ (Sedapnya bau..Boleh saya tolong)	Ia bau yang hebat. Bolehkah saya tolong?
F2-32	<i>Shokuin shitsu itte mo ee te.</i>	kami boleh masuk ke dalam. ((kamu) boleh pergi)

職員室行ってもええって  
(Kamu boleh pergi ke pejabat)

F2-169	<i>Sanbyaku doru baa kashite mo ee.</i> 三百ドルばあ貸してもええ。 (Boleh pinjamkan saya 300 dolar)	Jadi saya <b>dapat pinjam</b> kamu sebanyak \$300 dollars (boleh pinjamkan)
--------	--	---

Kata kerja bentuk *-te + mo ii* (V て+もいい) membawa maksud memohon kebenaran atau memberi kebenaran untuk melakukan sesuatu.

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk *-te + mo ii* :

<i>kaette kite mo iin</i> 帰って来てもいい ん	→ boleh balik	<i>itte mo ee</i> 行ってもええ	→ boleh pergi
<i>tetsudatte ii?</i> 手伝っていい?	→ bolehkah (saya) tolong	<i>kashite mo ee</i> 貸してもええ	→ boleh pinjam kan

Justeru itu, **kata kerja bentuk *-te + mo ii* = boleh/ boleh kah + kata kerja dasar**

4) kata kerja bentuk *-te + oku* (V て+おく)

	Kapsyen Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
F1-340	<i>Mago ni denwa de ayamattoku wa</i> 孫に電話で誤っておくわ (Saya akan telefon cucu saya untuk meminta maaf)	Saya <b>akan</b> hubungan cucu saya dengan telefon dan <b>minta maaf</b>
F2-264	<i>Ima renraku shite kono hoteru totte oita yo</i> 今連絡してこのホテルとっておいて (Sekarang hubungi hotel ini dan buat tempahan ye)	Jadi saya <b>telah</b> panggil hotel ini dan <b>menempah</b> bilik untuk kamu. (dah tempah)

Kata kerja bentuk *-te + oku* membawa maksud untuk menunjukkan sesuatu perkara yang dilakukan sebelum waktu yang diperlukan.



Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk *-te + oku*:

*ayamattoku* → akan minta maaf      *totte oita* → dah tempah

Justeru itu, **kata kerja bentuk *-te + oku* = akan/dah + kata kerja dasar**

5) kata kerja *-te + shimau* (V て+しまう)

	<b>Kapsyen Bahasa Jepun</b>	<b>Sari Kata Bahasa Melayu</b>
F1-13	<i>Nani mo ka mo kawatte shimau</i> なにもかも変わってしまう (Segala-galanya ditukar)	Setiap barang <b>akan ditukarkan.</b> (akan bertukar)
F1-424	<i>Gomenasai, asanebou shichatta.</i> ごめんなさい、朝寝坊しちゃった (Maaf, saya terbangun lewat)	Maafkan saya. Saya <b>telah lewat bangun.</b> (terlewat bangun)
F2-192	<i>Mou Matsuno kun ni shabechatta no ne!</i> もう松野くんに喋っちゃったのね! (Kamu dah terberitahu Matsunokan!)	Kamu <b>beritahu</b> Matsuno tentang itu. (dah beritahu)
F2-305	<i>Toire mo senmenjo mo tsukaenakute komachatta.</i> トイレも洗面所も使えなくて困っちゃった (Betul-betul menyusahkan, saya tak dapat guna tandas dan bilik air)	Saya <b>dalam masalah</b> setelah saya tak dapat gunakan sink atau tub mandi itu. ((saya) susah)

Kata kerja *-te + shimau* membawa maksud seperti berikut;

- i) menunjukkan sesuatu perkara yang telah diselesaikan. Contoh F1-13 dan F2-192.
- ii) menunjukkan sesuatu perkara berlaku tanpa diingini. Contoh F1-424 dan F2-305.

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk *-te + shimau*:

<i>kawatte shimau</i> 変わってしまう	→ akan bertukar	<i>shabechatta</i> 喋っちゃったね!	→ dah beritahu
<i>asa nebou shichatta</i> 朝寝坊しちゃった	→ terlewat bangun	<i>komatchatta</i> 困っちゃった	→ (saya) susah

Justeru itu, **kata kerja *-te + shimau* = kata kerja bantu + kata kerja dasar/ kata kerja terbitan/ kata adjektif.**

6) kata kerja bentuk *-te + kara* (V て+から)

Kapsyen Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
F2-64 <i>Boku wa kono gakkou o sotsugyou shite kara juu nen go ni juu nen go ni kono koto o omoidashite.</i> 僕はこの学校を卒業してから十年後にこのことを思い出して (Saya akan terus mengingatnya walaupun setelah 10 tahun habis sekolah)	10 atau 20 tahun selepas itu. saya <b>graduate</b> dari sekolah ini. Saya akan masih fikirkan (selepas habis belajar)
F2-278 <b>Kaette kara</b> hanasu ki 帰ってから話すき (Bila balik nanti, saya akan beritahu)	Saya akan terangkan <b>setelah saya balik.</b>

Kata kerja bentuk *-te + kara* menerangkan maksud ‘selepas membuat...’

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk *-te + kara*:

<i>sotsugyo shite kara</i> 卒業してから	→ selepas habis belajar	<i>kaette kara</i> 帰ってから	→ setelah (saya) balik
--------------------------------------	-------------------------	-----------------------------	------------------------

Justeru itu, **kata kerja bentuk *-te + kara* = setelah/selepas + kata kerja dasar.**

7) kata kerja bentuk *-te + wa ikenai/dame* (V て + はいけない/だめ)

	Dialog Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
F1-194	<b>Tobidashicha dame</b> da yo 飛び出しちゃだめだよ ( <i>Jangan keluar</i> )	Kamu <b>tak boleh keluar</b>
F1-240	Uh... <b>ugoicha dame</b> yo う。。動いちゃだめよ ( <i>Jangan bergerak</i> )	<b>Jangan bergerak</b>

Menunjukkan larangan untuk melakukan sesuatu perkara.

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk *-te + wa ikenai/dame*:

<i>tobidashicha dame</i>	→ tak boleh	<i>ugoicha dame</i>	→ jangan bergerak
飛び出しちゃだめ	keluar	動いちゃだめ	

Justeru itu, kata kerja bentuk *-te + wa ikenai/dame* = tak boleh/jangan + kata kerja dasar.

### 7.3.4 Bentuk *ta* (*onbinkei*)

Bentuk ini didapati dengan menambahkan kata kerja bantu *-ta* kepada kata kerja bentuk 連用形 *renyoukei*. Apabila perkataan kata kerja kumpulan 1 ditukarkan kepada bentuk *-ta* bunyinya akan berubah. Ini disebut 音便形 *onbinkei* dalam BJ.

Berikut adalah beberapa contoh kata kerja bentuk *-ta* yang dipetik daripada kedua-dua buah filem:

	Kapsyen Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
F1-589	<b>Kono mae totemo osewa ni natta</b> <b>kara,</b> この前とてもお世話になったから、 ( <i>Saya betul-betul terhutang budi dengan awak dahulu</i> )	Dia <b>tolong</b> saya dengan banyaknya (dah tolong)

F2-44	<i>Totsuzen desu ga, konnen no chuutoubu sannen no shuugaku ryokou wa <b>chuushi ni narimashita.</b></i> 突然ですが、今年の中等部三年の修学旅行は中止になりました。 た。 (Walaupun dalam keadaan tiba-tiba, lawatan sekolah pada tahun ini telah dibatalkan)	Saya tahu ia adalah tiba-tiba, tetapi kami <b>batal</b> kan lawatan sekolah kamu. (telah dibatalkan)
F2-471	<i>Kyou <b>kaetta</b> ga kamoshiren ne</i> 今日帰ったがかもしれんね Mungkin hari ini dia telah balik	Tetapi saya pasti itu dia mesti <b>balik</b> rumah hari ini. (dah balik)

---

Bentuk *-ta* mempunyai dua kegunaan yang mempunyai hubungan dengan kala dan aspek, iaitu untuk menunjukkan (1) kala lampau (2) i) kala lampau sempurna, ii) kala kini sempurna dan iii) kala depan sempurna.

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk *-ta*:

<i>oshiete kureta</i> 教えてくれた	→ dah beritau	<i>chuushi ni narimashita</i> 中止になりました	→ telah dibatalkan
<i>osewa ni natta</i> お世話になった	→ dah tolong	<i>kaetta</i> 帰った	→ dah balik

Justeru itu, **kata kerja bentuk *-ta* = dah/telah/pernah + kata kerja dasar**

Bentuk *-ta* juga sering digunakan dengan frasa untuk menerangkan pelbagai maksud seperti berikut:

1) kata kerja bentuk *-ta + koto ga aru* (V た + ことがある)

	Kapsyen Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
F1-560	<i>Doko ka de mita koto ga aru tte ne</i> どこかで見たことがあるってね (Saya rasa pernah tengok)	Sebelum saya <b>pernah lihat</b> barang itu.
F1-565	<i>Watashi mahou tte nan ka kangaeta koto mo nakatta no</i> 私魔法ってなんか考えたもなかった (Saya tak pernah terfikirpun tentang kuasa sihir sebelum ni)	Saya <b>tak akan ingat</b> tentang magik. (tak pernah fikir)
F2-408	<i>Mita koto mo kiita koto mo nai wa yo</i> 見たことも聞いたこともないわよ (Saya tak pernah tengak dan dengar pun)	Saya <b>tak temu dan dapati tahu</b> dia (tak pernah nampak dan tak pernah dengar)

Kata kerja bentuk *-ta + koto ga aru* menerangkan seseorang itu mempunyai pengalaman atau pernah melakukan sesuatu.

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk *-ta + koto ga aru*:

<i>mita koto ga aru</i> 見たことがある	→ pernah lihat	<i>mita koto mo kiita kotomo nai</i> 見たことも聞いたこともない	→ tak pernah nampak dan tak pernah dengar
<i>kangaeta koto mo nai</i> 考えたもなかった	→ tak pernah fikir		

Justeru itu, **kata kerja bentuk *-ta + koto ga aru* = pernah + kata kerja dasar**

2) kata kerja bentuk *-ta + hou ga ii* (V た + ほうがいい)

	Kapsyen Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
F1-408	<p><i>Tsurakute mo chotto tabeta hou ga ii no.</i>            つらくてもちよっと食べたほうがいいの            (Walaupun susah, lebih baik kamu makan.)</p>	<p>Kamu <b>perlu</b> walaupun kalau kamu tak nak lagi            (lebih baik (kamu) makan)</p>

Kata kerja bentuk *-ta + hou ga ii* membawa maksud “lebih baik....”

Berikut adalah kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk *-ta + hou ga ii*:

*tabeta hou ga ii* → lebih baik  
 食べたほうがいい (kamu) makan

Justeru itu, kata kerja bentuk *-ta + hou ga ii* = lebih baik + kata kerja dasar

### 7.3.5 Bentuk *nai* (*mizenkei*)

Bentuk ini disebut 未然形 (*mizenkei*) yang bermaksud ‘masih belum’. Ia disebut sebagai *-nai* 形 (*naikei*) atau bentuk negatif kerana perkataan kata kerja bentuk ini diikuti oleh *-nai* (*nai*).

Berikut adalah beberapa contoh kata kerja bentuk *-nai* yang dipetik daripada kedua-dua buah filem:

	Kapsyen Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
F1-52	<p><i>Yoso no machi de ichi-nen ganbaranai to majou ni narenain dakara</i>            よその町で一年頑張らないと魔女になれないんだから            (Sekiranya kamu tidak bekerja keras di tempat lain selama setahun, kamu tidak layak menjadi ahli sihir)</p>	<p>Saya <b>tak boleh jadikan</b> ahli sihir, kecuali saya <b>bertugas</b> dalam bandar untuk setahun itu.            (tak usaha)</p>

F1-136	<b>Tabenai no?</b> 食べないの (Tak makan?)	Adakah kamu <b>nak makan</b> itu lagi? (tak makan)
F1-475	<b>Oboetenai no, totemo chiisakatta</b> kara, 覚えてないの、とても小さかったから、 (Saya tidak ingat sebab saya terlalu kecil ketika itu)	Saya <b>tak ingatkan</b> lagi. Saya sangat muda
F2-33	<b>Ore wa natsu-yasumi no koushuu hitotsu mo toran to</b> 俺は夏休みの講習ひとつも取らん (Saya tidak mengambil kelas tambahan musim panas)	saya <b>tak akan ambilkan</b> seminar musim panas (tak ambil)
F2-201	<b>Rikako wa ano okane o kaesanakatta</b> 里佳子はおのお金を返さなかった た (Rikako tidak memulangkan wang itu)	Rikako <b>tak akan pulang balik</b> wang itu lagi. (tak pulangkan)
F2-444	<b>Ano toki made ki ga tsukankatta.</b> あの時まで気がつかなかった。 (Sehingga masa itu, saya langsung tak perasan)	Bukan masa itu dan saya <b>dapati tahu</b> juga. (tak perasan)

---

Kata kerja bentuk *nai* adalah merupakan bentuk negatif bagi bentuk kamus (termasuk bentuk 連体形 *rentaikei*).

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk *nai*:

<i>ganbaranai</i> 頑張らない	→ tak usaha	<i>toran</i> ( <i>toranai</i> ) 取らない	→ tak ambil
<i>narenai</i> なれない	→ tak boleh jadi	<i>kaesanakatta</i> 返さない	→ tak pulangkan
<i>tabenai</i> 食べない	→ tak makan	<i>ki ga</i> <i>tsukankatta</i> 気がつかない	→ tak perasan
<i>oboetenai</i> 覚えがない	→ tak ingat		

Justeru itu, kata kerja bentuk *nai* = tidak /tak + kata kerja dasar

### 7.3.6 Bentuk *ba* (*katekei*)

Dalam BJ, bentuk ini disebut 仮定形 *kateikei* atau bentuk andaian.

Berikut adalah beberapa contoh *kata kerja bentuk -ba* yang dipetik daripada kedua-dua buah filem:

	Kapsyen Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
F1-121	<p><i>Kimi miseinensha darou, hitsuyou ga areba sou suru koto mo aru.</i> 君未成年者だろう、必要があればそうすることもある。 (Kamu masih dibawah umur kan, sekiranya ada keperluan perkara ini perlu dilakukan)</p>	<p>Kamu adalah minor, betul? <b>Kalau perlukan</b>, kami lakukan. (sekiranya ada perlu)</p>
F1-187	<p><i>Watashi konna onaka dakara anta ga tokidoki miseban yatte kurereba</i> わたしこんなおなかだからあんたときどき店番やってくれれば (Saya dah sarat macam ni, jadi kadang-kadang saya perlukan kamu untuk menjaga kedai ini)</p>	<p>Dan saya, dengan adalah seperti ini... <b>Kalau kamu dapat jaga kedai</b> sebetulnya</p>
F1-476	<p><i>Boku mo majo no ie ni umarereba yokatta.</i> 僕も魔女の家に生まれればよかった (saya pun teringin dilahirkan di rumah ahli shir)</p>	<p>Saya <b>harap</b> saya <b>dapat lahir</b> dalam rumah ahli sihir juga (kalau (saya) dilahirkan)</p>
F2-201	<p><i>Dochira ka to ieba medatanai ko de maasore wa ii no dakeredo</i> どちらかと言えば目立たない子でまあそれはいいのだけれど (Kamu ni tidaklah menyerlahpun, itu perkara yang baik)</p>	<p>Dia seseorang yang sangat sunyi. (jika disebut)</p>
F2-293	<p><i>Mama ga baka da to omotteta no misugoshitereba ii no ni</i> ママがばかだと思ってたの見過</p>	<p>Saya ingat ibu saya adalah bodoh dan <b>tak perlu peduli</b> apakah telah berlakunya (jika (saya) tak peduli)</p>



ごしてればいいのに  
 (Mama fikir itu perbuatan bodoh,  
 jadi dia tidak ambil peduli)

Kata kerja bentuk *-ba* ini membawa maksud ‘kalau’, ‘sekiranya’ atau ‘jika’.

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk *-ba*:

<i>hitsuyou ga areba</i> 必要があれば	→ sekiranya ada perlu	<i>ieba</i> 言えば	→ jika disebut
<i>miseban yatte kurereba</i> 店番やってく れれば	→ kalau kamu dapat jaga kedai	<i>misugoshitereba</i> 見過ごしてれ ば	→ jika (saya) tak peduli
<i>umareba</i> 生まれれば	→ jika saya dilahirkan.		

Justeru itu, **kata kerja bentuk *-ba* = kalau/sekiranya/ jika + kata kerja dasar/ kata kerja terbitan (~kan, di~kan)**

### 7.3.7 Bentuk perintah (*meerei*)

Dalam BJ, bentuk ini disebut 命令形 *meirei*, iaitu bentuk perintah yang amat kasar.

Seseorang akan menggunakannya ketika berada dalam keadaan marah. Dalam keadaan biasa ia jarang digunakan. Sekiranya ia digunakan di antara kawan-kawan rapat (lelaki), partikel *-yo* digunakan di akhir ayat bertujuan melembutkan perintah atau arahan itu.

Berikut adalah beberapa contoh kata kerja bentuk perintah yang dipetik daripada kedua-dua buah filem:

Kapsyen Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
<i>Shippo no heriumu o nuke , isoge</i> しっぽのヘリウムを抜け、急げ (Cabutkan tangkai botol helium tu, cepat!)	Biar helium <b>keluar</b> dari ekor.. <b>segera</b> (cabut, cepat)

F1-623	<i>Butsukaru sunzen ni tou ni tobiutsure!</i> ぶつかる寸前に塔に飛び移れ (Melompat kebahagiaan yang dilanggar tu!)	<b>Terjun</b> ke dalam plaza hanya sebelum kami cadangkan.
F1-627	<i>Tsukamare!</i> 捕まれ! (Tangkap!)	<b>Cekak</b> (pegang)
F1-190	<i>Chotto matchotte kure ya</i> ちよつと待ちよつてくれや (Tunggu sekejap!)	<b>Tunggu</b> di sini
F2-382	<i>Chotto hanashi ga aru ki, koi yo</i> ちよつと話があるき、来いよ (Ada perkara yang ingin dicakapkan, datanglah!)	Saya terdapat sesuatu katakan dengan kamu... <b>datang</b> dengan saya. (datang kesini)
F2-485	<i>Ochitsuke! Kora!</i> 落ち着け! くら! (Bertenang)	(bertenang)

---

Bentuk ini biasanya digunakan untuk tanda lalu lintas, sewaktu latihan di padang atau semasa bersorak untuk menaikkan semangat orang yang sedang dalam pertandingan. Bentuk ini juga digunakan dalam cakap ajuk semasa menyampaikan permintaan yang berupa paksaan.

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk perintah:

<i>nuke</i> 抜け	→ cabut	<i>matchotte kure</i> 待よつてくれ	→ tunggu
<i>isoge</i> 急げ	→ cepat	<i>ochitsuke</i> 落ち着け	→ bertenang
<i>tobiutsure</i> 飛び移れ	→ terjun	<i>tsukamare</i> 捕まれ	→ pegang

Justeru itu, **kata kerja bentuk perintah = kata kerja dasar/ kata kerja terbitan (ber~)**

#### 7.4.8 Bentuk *ou/you* (*ikookei*)

Dalam BJ, bentuk ini disebut 意向形 *ikoukei* yang menerangkan kemahuan, ajakan dan dugaan. Kata kerja bentuk *-ou/you* ini diikuti oleh kata kerja bantu *-ou ayau -you*.

Berikut adalah beberapa contoh kata kerja bentuk *-ou/you* yang dipetik daripada kedua-dua buah filem:

No	Kapsyen Bahasa Jepun	Sari Kata Bahasa Melayu
F1-93	<i>Ame ga yamu made hito yasumimashou</i> 雨が止むまでひと休みましょう (Berhenti kejam sampai hujan berhenti)	<b>Marilah berehat</b> setelah hujan dihentikan.
F1-142	<i>Ano...watashi de yokereba todokemashou ka?</i> あの。。私でよければ届けましょうか。 (Kalau tidak menyusahkan, biar saya yang hantar)	Saya <b>boleh hantar</b> ini kepada kamu. (mahukah saya hantar)
F1-599	<i>Kotowarou ka , toubun o yasumi tte ittan dake do.</i> 断ろうか、当分を休みっていったんだけど (Saya tolak aje ajakan itu, beritahu kamu bercuti panjang)	Boehkah saya <b>turunkan dia</b> ? Saya beritahu dia , kamu dalam lawatan. (mahukah (saya) tolak)
F2-260	<i>Doko ka de ocha de mo nomou ka</i> どこかでお茶でも飲もうか。 (Mari kita minum teh)	<b>Mengapa kamu tak minum</b> teh di sana lagi? (mahukah (kamu) minum)
F2-348	<i>Ashita kuukou no kaunta- de aimashou .</i> 明日空港のカウンターで会いましょう (Esok kita jumpa di kaunter di lapangan terbang)	<b>Marilah temu</b> besoknya di kaunter dalam lapangan terbang itu. ((kita) jumpa)
F2-438	<i>Aa...zutto ayamarou to omoiotta</i> ああ。。ずっと謝ろうと思よかった。 (Saya bercadang memohon maaf dari dulu lagi)	Saya <b>nak maafkan</b> untuk masa yang panjang itu. (nak minta maaf)

Kata kerja bentuk *-ou/you* boleh membawa maksud ‘Saya akan (lakukan sesuatu)’, ‘Marilah (lakukan sesuatu)’, ‘Mahukah (lakukan sesuatu)?’, ‘Agaknya....’ atau ‘Mungkin...’. Kesemua maksud ini bergantung kepada situasi di mana ia digunakan.

Berikut adalah senarai kata kerja BJ dan padanannya yang diambil daripada contoh-contoh kata kerja bentuk *-ou/you*:

<i>yasumimashou</i> 休みましょう	→ marilah berehat	<i>nomou</i> 飲もう	→ mahukah kamu minum
<i>todokemashouka</i> 届けましょう	→ mahukah saya hantar	<i>aimashou</i> 会いましょう	→ kita jumpa
<i>kotowarouka</i> 断ろう	→ mahukah saya tolak	<i>ayamarou</i> 謝ろう	→ nak minta maaf

Justeru itu, **kata kerja bentuk *-ou/you* = marilah/ mahukah/ agaknya/ mungkin/ saya akan + kata dasar**

Secara keseluruhannya, kebanyakan konjugasi kata kerja BJ yang diterjemahkan ke BM memerlukan kata kerja bantu/ adverba / kata nafi bersama-sama padanan kata kerja BM. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak dapat melihat kesetaraan yang jelas antara konjugasi kata kerja BJ dan imbuhan kata kerja BM. Ini kerana kebanyakan kata kerja yang digunakan dalam sari kata bagi kedua-dua filem animasi adalah dalam bentuk kata kerja dasar. Tambahan pula, kedua-dua filem animasi ini bergenre drama yang berkisar tentang kehidupan harian. Oleh kerana itu, kebanyakan dialog yang digunakan merupakan dialog yang santai dalam bahasa tak formal. Sari kata juga telah diterjemahkan dalam bentuk pertuturan yang santai dan tidak formal.

#### 7.4 KESIMPULAN

Tidak dapat diragui lagi, setiap bahasa itu adalah berbeza. Malahan Taber dan Nida (dipetik dari Zarina, 2000, hlm. 54) memberi kenyataan bahawa setiap bahasa mempunyai keistimewaannya sendiri. Setiap bahasa mempunyai ciri-ciri tertentu yang boleh memberinya karekter istimewa. Antara ciri-ciri tersebut termasuk kebolehan membina perkataan, corak urutan frasa yang unik, peribahasa, teknik hubungan klausa dalam ayat dan sebagainya.

Salah satu sebab mengapa perbezaan linguistik mengakibatkan kehilangan makna dalam penterjemahan adalah kerana hubungan yang rapat antara makna dan bentuk. Oleh kerana itu, kebanyakan daripada makna dalam sesuatu bahasa itu dipengaruhi oleh bentuk dan dalam masa yang sama ianya berbeza daripada satu bahasa ke bahasa yang lain. Bentuk linguistik pada satu peringkat berperanan membentuk kandungan yang bergabung dengannya. Justeru itu, kandungan yang terbentuk selalunya bersesuaian dengan bentuk linguistik tersebut, dan begitulah sebaliknya.

Sementara itu, dari perspektif berbeza, iaitu Prinsip Padanan Dinamis Nida, terdapat pernyataan bahawa makna sesebuah teks haruslah diberi kepentingan utama, manakala dalam usaha memelihara mesej dalam kandungan, bentuk perlu diubah (Nida dan Taber, 1969, hlm. 24).

Justeru itu, kesimpulannya, penterjemahan adalah proses mempelajari leksikon, struktur gramatis, situasi komunikasi, konteks budaya teks bahasa sumber, menganalisis untuk mencari makna, dan seterusnya membentuk semula makna yang sama menggunakan leksikon dan struktur gramatis yang bersesuaian dengan bahasa sasaran dalam konteks budayanya.